



**Permodalan Nasional Berhad**

(38218-X)

**KENYATAAN AKHBAR**

**PENGUMUMAN AGIHAN PENDAPATAN AMANAH SAHAM WAWASAN 2020  
(ASW 2020)**

**Untuk Siaran Segera  
30 Ogos 2017**

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 6.00 sen per unit untuk tabung berharga tetap, Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2017. Jumlah pengagihan sebanyak RM1.1 bilion ini dapat dimanfaatkan oleh lebih 870,000 pemegang unit yang telah melanggan 18.8 bilion unit ASW 2020.
- Tinjauan bagi tahun kewangan semasa, ASW 2020 dijangka menjana pulangan pendapatan kasar sebanyak RM1.38 bilion. Daripada jumlah ini keuntungan daripada penjualan saham dalam syarikat-syarikat menyumbang sebanyak RM718.7 juta atau 52.0%, manakala pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat pelaburan pula menyumbang sebanyak RM459.8 juta atau 33.3% kepada jumlah pendapatan kasar tersebut. Selebihnya RM203.5 juta atau 14.7% diperolehi daripada pelaburan dalam sukuk / deposit tetap Islamik serta pendapatan berfaedah.
- Semua urusan niaga bagi tabung ASW 2020 di kesemua cawangan dan ejen ASNB telah ditangguhkan mulai 26 Ogos 2017 sehingga 3 September 2017 bagi tujuan pengiraan pengagihan pendapatan. Para pemegang unit boleh menyemak dan mengemaskini akaun mereka menerusi portal baru ASNB iaitu [myasnb.com.my](http://myasnb.com.my) atau di mana-mana cawangan dana agen ASNB di seluruh negara mulai 4 September 2017.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 6.00 sen seunit untuk tabung berharga tetap, Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2017.

Pengagihan pendapatan ini membabitkan pembayaran berjumlah RM1.1 bilion, yang akan dapat dimanfaatkan oleh lebih 870,000 pemegang unit yang telah melanggan 18.8 bilion unit ASW 2020.

Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, “Walaupun dalam pasaran yang mencabar pada awal tahun kewangan, PNB masih berupaya untuk memberikan pulangan mapan dan berdaya saing kepada pemegang unit tabung ASW 2020.”

Pada permulaan tahun kewangan ASW 2020, FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) telah terjejas teruk oleh tempoh ketidakpastian yang wujud daripada keputusan Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat dan peningkatan kadar dasar Rizab Persekutuan Amerika Syarikat pada bulan Disember 2016, yang mengakibatkan aliran keluar portfolio dari pasaran ekuiti dan bon. Ini seterusnya memberi tekanan ke atas kebanyakan mata wang utama dan serantau, termasuk Ringgit Malaysia.

Walaupun FBM KLCI pulih pada awal tahun 2017, ia hanya mencatatkan kenaikan 4.9% pada tahun kewangan ASW 2020, ditutup pada 1,760.03 mata pada 31 Julai 2017, berbanding 1,678.06 mata pada 31 Ogos 2016.

Tambah beliau lagi, “Untuk tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2017, ASW 2020 dijangka memperoleh jumlah pendapatan kasar sebanyak RM1.38 bilion, dengan keuntungan daripada penjualan saham akan menyumbang sebanyak RM718.7 juta atau 52.0%, manakala pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat pula menyumbang sebanyak RM 459.8 juta atau 33.3% kepada jumlah pendapatan kasar tersebut. Selebihnya RM203.5 juta atau 14.7% diperolehi daripada pelaburan dalam sukuk / deposit tetap Islamik serta pendapatan berfaedah.”

Pengiraan pengagihan pendapatan tahunan adalah berdasarkan purata baki pegangan minimum bulanan bagi tempoh pelaburan sepanjang tahun kewangan ASW 2020. Pengagihan pendapatan akan dilaksanakan melalui pelaburan semula dalam bentuk unit secara automatic dan akan dikreditkan ke dalam akaun para pemegang unit pada 1 September 2017.

Bagi pemegang unit yang melanggan unit-unit ASW 2020 menerusi Skim Pelaburan Ahli KWSP, pembayaran pengagihan pendapatan akan dikreditkan ke dalam akaun pelaburan KWSP yang berkenaan.

Semua urusan niaga bagi tabung ASW 2020 di semua cawangan dan ejen ASNB telah ditangguhkan mulai 26 Ogos 2017 sehingga 3 September 2017 bagi tujuan pengiraan pengagihan pendapatan.

Para pemegang unit boleh mengemaskini akaun mereka melalui portal baharu ASNB: [myasnb.com.my](http://myasnb.com.my) atau di semua pejabat/ejen ASNB di seluruh negara mulai 4 September 2017. Penyata pengagihan pendapatan serta laporan tahunan akan

dihantar kepada pemegang unit dalam masa dua bulan selepas pengagihan pendapatan diumumkan.

Pada masa yang sama, Tan Sri Wahid sekali lagi menyeru semua pemegang unit untuk menggunakan portal atas talian dengan mengunjungi pejabat ASNB bagi mengemaskini maklumat peribadi dan pendaftaran nombor telefon bimbit. “Dengan menggunakan portal [myasnb.com.my](http://myasnb.com.my), para pemegang unit dapat menyemak baki mereka dan juga membuat pelaburan tambahan di mana-mana dan bila-bila masa sahaja melalui telefon bimbit atau peranti digital yang lain,” kata beliau’.

-----TAMAT-----

### **Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB). ASNB ditubuhkan pada 22 Mei 1978 untuk mengurus Tabung-Tabung yang dilancarkan oleh PNB. Kini, ASNB memiliki 12 Tabung termasuk 6 tabung harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Didik (ASD), Amanah Saham 1Malaysia (AS 1 Malaysia), dan Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2). 4 tabung selebihnya merupakan tabung harga berubah yang dikenali sebagai Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Nasional 2 (ASN 2), Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN 3) dan Amanah Saham Gemilang (ASG). ASNB kini mempunyai 30 cawangan dan 2,235 ejen di seluruh negara. Sila rujuk laman web untuk maklumat lanjut mengenai lokasi cawangan dan ejen tersebut.

### **Mengenai ASW 2020**

ASW 2020 merupakan dana ekuiti berharga tetap yang bertujuan memberi kadar pulangan berpatutan kepada pemegang unit menerusi pelaburan dalam portfolio terpilih yang terdiri daripada pelaburan yang dibenarkan. 51% daripada saiz dana yang dibenarkan dibuka kepada pelabur Bumiputera, manakala 49% lagi dibuka kepada pelabur Malaysia yang layak.

### **Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

#### **Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

1. *Aimi Aziz, Naib Presiden, Jabatan Komunikasi | [aimiaziz@pnb.com.my](mailto:aimiaziz@pnb.com.my) | 019-221 7007*
2. *Abdul Halim Jusoh | [abdulhalim@pnb.com.my](mailto:abdulhalim@pnb.com.my) | 019-650 2730*
3. *Kaneskumar Supramaniam | [kaneskumar@pnb.com.my](mailto:kaneskumar@pnb.com.my) | 011-2354 7192*